

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2023)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI RABU, 07 DISEMBER 2022, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN.**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 1 (A72)**

Sila beri penjelasan mengapa sehingga sekarang kerajaan negeri masih belum menggunakan aplikasi e-bayaran parkir?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 2 (A132)**

Isu pekerja asing yang banyak menimbulkan masalah moral dan keselamatan jalan raya diabaikan. Mohon agar pengusaha kilang diwajibkan mendedahkan mereka tentang peraturan keselamatan jalan raya selain penambahan lampu isyarat di simpang-simpang di mana sering berlaku kemalangan maut.

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 3 (A126)**

Berapakah jumlah usahawan di kawasan DUN Tanjung Surat yang telah dilatih di melalui program-program di bawah Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) dan apakah perancangan kerajaan untuk memperkasa ekonomi digital di kawasan luar bandar.

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 4 (A52)**

Diambil maklum bahawa kawasan Jementah akan diperkembangkan sebagai satu hub pertanian utama di Malaysia. Akan tetapi, para petani mengalami masalah infrastruktur terutamanya jalan dalam kebun. Apakah langkah yang dirancang untuk mengatasi masalah ini?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 5 (A5)

Nyatakan setakat tahun 2022, berapa ramai penerima bantuan bulanan MAIJ dalam kawasan DUN Endau dan berapa banyak buah rumah yang telah dibina, sedang dibina, akan dibina dan diluluskan dibawah bantuan MAIJ.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN 6 (A124)

Apakah tindakan Kerajaan Negeri Johor dalam mengupayakan dan memperkasakan ibu-ibu tunggal dalam bidang tenaga kerja bagi membantu mereka menanggung dan menguruskan kehidupan keluarga mereka khususnya di DUN Penawar?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 7 (A50)

Populasi di Segamat yang berusia antara 18 - 40 adalah semakin meningkat. Akan tetapi, masih tiada pusat sukan di dalam bandar ini. Adakah pihak JTK Sukan mempertimbangkan untuk membina satu pusat sukan dalam bandar ini?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 8 (A78)

Apakah perancangan kerajaan negeri Johor mengenai permintaan saya agar kelulusan PBT luar yang buang sampah di Tapak Pelupusan Sampah MDL dibatalkan?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 9 (A14)

Adakah kerajaan negeri akan membantu untuk menyelenggara dan menaiktaraf fasiliti sekolah-sekolah kerajaan di kawasan DUN Parit Yaani yang memerlukan penaiktarafan selari dengan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang merupakan sebahagian daripada usaha KPM ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah.

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 10 (A109)

Apakah status terkini berkaitan permohonan perumahan bersepadu generasi kedua bagi fasa 2 di FELDA Redong 1?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)

SOALAN 11 (A74)

Apakah rancangan jangka masa panjang kerajaan untuk memajukan bidang sukan di negeri Johor dan jenis-jenis sukan apakah yang diberi fokus keutamaan oleh kerajaan buat masa kini?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 12 (A57)

Apakah usaha kerajaan negeri Johor bagi memastikan kualiti pembinaan rumah PPR di bawah KPKT yang dibina di Johor berkualiti dan tidak bersifat ala kadar?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 13 (A146)

Nyatakan kos, rancangan atau cara penyelesaian banjir kilat yang berlaku di Jalan Rosmerah Utama (di bawah jambatan, menuju ke Jalan Dedap) serta bilakah kali terakhir kerja-kerja penyelenggaraan sungai dijalankan.

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)

SOALAN 14 (A129)

Apakah perancangan khusus kerajaan negeri untuk membantu penduduk kawasan kampung atau luar bandar memiliki rumah sendiri dan adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan projek perumahan khusus untuk generasi kedua kawasan kampung?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)

SOALAN 15 (A73)

Tempoh khidmat Ahli Lembaga Pelawat Hospital telah tamat pada Mei 2022. Mengapa sehingga kini, masih belum ada pelantikan Ahli Lembaga Pelawat yang baru untuk di dalam usaha kita membantu menjadi penghubung antara masyarakat dan orang ramai?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 16 (A135)

Wujudnya bandar perabot Malaysia di Bakri turut memberi kesan limpahan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada warga tempatan. Dicadangkan diwujudkan Pusat Latihan Kemahiran berasaskan perkayuan dan perabot yang bukan sahaja sebagai hub Pendidikan malahan membekalkan pasaran tenaga mahir khususnya anak tempatan.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 17 (A46)

Minta dinyatakan usaha Kerajaan Negeri merangka Projek Tebatan Banjir dan kajian membina rumah pam di kawasan Kampung Sri Gading dan sekitarnya yang menghadapi masalah banjir setiap kali hujan lebat.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 18 (A29)

Berapakah panjang sistem paip jenis Asbestos Cement (AC) di daerah Muar yang telah diganti serta nyatakan jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penggantian paip ini?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 19 (A36)

Jalan penghubung Muar-Batu Pahat merupakan laluan utama penduduk tempatan dan orang luar berkunjung ke daerah-daerah ini. Adakah kerajaan mempunyai perancangan menaiktaraf jalan tersebut daripada 2 lorong kepada 4 lorong supaya kesesakan dapat diminimakan?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 20 (A49)

Masalah kesesakan jalan di simpang Jalan Muar - Segamat amat membawakan kesulitan kepada para pengguna sejak sekurang-kurangnya satu dekad yang lalu. Apakah langkah untuk mengatasi masalah ini?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 21 (A56)

Bilakah pelaksanaan projek pembaikan di kawasan flyover Impian Emas akan dilaksanakan? Mengikut muatan di laman sosial media MB beliau telah turun padang bagi melihat sendiri keadaan di kawasan susur Johor Bahru ke Impian Emas, dan Impian Emas ke Johor Bahru.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 22 (A118)

Mengapa JKR menghalang pembinaan jalan sambung melalui VBC (4.1 m) dengan alasan pelepasan ketinggian lebuh raya JKR (5.4 m), jalan sambung ini adalah jalan taman dibawah PBT seperti yang terdapat di Jalan Parlimen yang mempunyai ketinggian 4.0 m.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 23 (A33)

Kerajaan Negeri memberi peruntukan khas RM7 juta kepada Yayasan Sultanah Fatimah dan RM5 juta kepada Yayasan Sultanah Rogayah pada tahun 2022, nyatakan jenis-jenis bantuan telah disalurkan kepada Masyarakat Cina dan India serta nyatakan siapakah menerima manfaat daripada bantuan tersebut?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 24 (A2)

Bolehkah dikongsikan maklumat berkaitan berapakah jumlah permit yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan kepada pengusaha pengeluar pasir di kawasan Teriang dan berapakah hasil yang diperoleh oleh kerajaan negeri?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 25 (A123)

Siapakah pemilik tanah PTD 5203 yang kemudian menjadi PTD 6251 hingga PTD 6272 melalui SBKS, dan kronologi pemilik-pemilik sebelum di pindah milik kepada Steadfast Properties pada 2022?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 26 (A148)

Nyatakan amaun dan bilangan kes Scam mengikut kategori yang dilaporkan pada tahun 2020, 2021 dan 2022 serta tindakan Bank Negara terhadap bank yang terbabit.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 27 (A70)

Nyatakan prestasi GLC dan GLIC di bawah pengurusan kerajaan Johor dari tahun 2013 hingga November 2022 dan usaha kerajaan negeri untuk mengatasi isu rasuah, ketirisan, dan salah guna kuasa dalam pentadbiran GLC dan GLIC.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 28 (A150)

Isu kacau ganggu haiwan liar seperti monyet dan haiwan tidak bertuan seperti anjing liar sering terjadi dan mengakibatkan kerugian harta benda yang tinggi, apakah perancangan kerajaan negeri dalam memastikan isu ini dapat ditangani sebaiknya.

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2023) TAHUN 2022.

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Khamis, 08 Disember 2022, jam 9:30 pagi.